



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

8 April 2021
25 Syaaban 1442

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Bau busuk bangkai ikan ganggu penduduk• Ikan pemangsa tidak ancam hidupan air tawar
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">• Masih ada nelayan gunakan bubu naga• Harga murah, kaut hasil banyak dorongan pengguna• Kaedah diharamkan, punca negara alami krisis bekalan ikan
Harian Metro	
Kosmo !	
Sinar Harian	
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernama	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU				
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL				

Bau busuk bangkai ikan ganggu penduduk

Oleh AIN SAFRE BIDIN
 utusannews@mediamula.com.my

TELUK INTAN: Penduduk di Kampung Batak Rabit di sini terpaksa menghidu bau bangkai ikan dari sangkar ternakan yang pecah akibat dihanyutkan arus deras dalam kejadian minggu lalu.

Sangkar ikan berkenaan hanyut di Sungai Perak sehingga ke kawasan berdekatan rumah mereka di kampung tersebut yang dihuni kira-kira 50 penduduk.

Selain bangkai ikan, besi dan tong sangkar turut dihanyutkan ke kawasan itu dan masih tersangkut di belakang rumah mereka.

Seorang penduduk, Mohamad Ikmal Hisyami Mohamad Puzali, 25, berkata, sejak minggu lalu, beberapa sangkar hanyut sehingga di bahagian belakang rumah mereka yang terletak di tebing Sungai Perak.

Menurutnya, bangkai ikan berkenaan semakin membusuk sehingga penduduk terpaksa menghidu bau busuk sepanjang hari.

"Kami nak makan pun tak boleh, hilang selera sebab bau



PENDUDUK menunjukkan sangkar pecah yang hanyut sehingga ke penempatan mereka di Kampung Batak Rabit di Teluk Intan, semalam. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

bangkai yang kuat sangat," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Selain itu, katanya, besi dan tong sangkar yang tersangkut menyebabkan penduduk yang bekerja sebagai nelayan sukar untuk ke sungai memasang belat dan memancing.

Seorang lagi penduduk, Kintan Uda, 80, berkata, penduduk bimbang bangkai ikan yang tidak dibersihkan akan mendatangkan penyakit.

Dalam kejadian minggu lalu, seorang penternak ikan sangkar Heng Zhi Yong mendakwa kerugian hampir RM7 juta selepas

280 sangkar ternakannya pecah dihanyutkan arus deras Sungai Perak.

Zhi Yong berkata, hampir kesemua ternakannya kira-kira 500 tan metrik terlepas ke dalam sungai manakala sebahagian besar daripada 280 buah sangkarnya musnah.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	NEUTRAL		32	8/4/21

Ikan pemangsa tidak ancam hidupan air tawar

TELUK INTAN: Nelayan darat di sini percaya ikan pemangsa, jenis baung ekor merah yang terlepas ke dalam Sungai Perak dalam kejadian sangkar pecah minggu lalu tidak akan menjejaskan hidupan air tawar yang lain di kawasan ini.

Ini berikutan wujud ketimbangan ikan pemangsa berkenaan akan menyebabkan ikan dan udang gajah di kawasan ini berkurangan disebabkan ikan baung merah dikatakan menjadikan spesies lain sebagai mangsa.

Ketua Jaringan Perikanan Persekutuan Pengangkutan Melayu Daerah Hillir Perak, Syed Azman Syed Ahmad, berkata, andaian ikan pemangsa itu akan memakan hidupan air tawar yang lain sehingga menyebabkan kepupusan tidak benar.

Berdasarkan pengalamannya, ikan baung itu bukan menghidu kawasan tengah sungai sebaliknya hanya hidup di tepi sungai dan mudah dipancing. "Ikan baung merah ini sebenarnya adalah ikan kolam berbayar, mudah dipancing sebab itu ramai penancing dapat ikan ini apabila memancing di kawasan ini sekarang.

"Andaian ikan baung merah akan memusnahkan hidupan air tawar tidak benar," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini, Jabatan Perikanan Perak percaya pemilik sangkar ikan yang pecah akibat dibanjirkan arus deras Sungai Perak dalam kejadian di sini baru-baru ini, memetak ikan baung ekor merah tanpa permit.

Pengarahnya, Zaki Mokri berkata, ikan baung ekor merah yang dikenali sebagai ikan pemangsa itu dipercayai dimetak secara haram bersama ikan air tawar lain merangkumi pelbagai jenis ikan-ikan tempatan.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY	14	3/4/21
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL		

Masih ada nelayan gunakan bubu naga

Kaedah diharam sejak dua tahun lalu kerana jejaskan sumber pendapatan nelayan lain

Gleah Suralina Halid dan Noor Hidayah Tarunzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penggunaan bubu naga yang diharamkan dua tahun lalu dikesan masih berleluasa di perairan negara khususnya di Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Perak dan Selangor.

Difahamkan, ribuan nelayan pedalir pantai masih lagi bergantung kepada bubu naga kerana ia tidak perlu melalui proses yang rumit untuk memasang paikat atau menungku, sebaliknya hanya meletakkannya sementara mereka keluar ke laut.

Kebiasaannya, nelayan terbelit akan meletakkan bubu naga atau paikat sorong pada waktu malam dan kembali semula antara enam hingga 10 jam kemudian untuk memungut hasil tangkapan.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Abdul Hamid Bahari, ketika mendedahkan perkara itu berkata, penggunaan bubu naga sejak 16 tahun lalu muncul semula merupakan ketajaman sudah mengancamkannya pada 2016.

"Menurut bubu naga, anak ikan, benih anak udang dan apa saja turut serta terperangkap dan ini merosakkan ekosistem hidupan laut untuk jangka masa panjang.

"Boleh dikatakan nelayan di perairan Semenanjung masih banyak yang menggunakan bubu naga.

"Mereka cari makan dengan jalan mudah, pasang bubu kemudian tinggalan dan datang semula untuk kutip hasil...saya berani

katakan ada puluhan ribu bubu naga di perairan kita sekarang," katanya kepada BH.

Penggunaan bubu naga diharamkan di negara ini pada 1 November 2013 kerana ia didapati menjejaskan sumber pendapatan nelayan lain.

Mereka yang ingkar boleh didakwa mengikut Seksyen 11(3)(C) Akta Perikanan 1985 yang memperuntukkan denda maksimum RM20,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Menurut Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), penggunaan bubu naga dilarang berikutan sifatnya yang tidak selektif dan boleh merosakkan ekosistem perairan.

Sementara itu, Abdul Hamid turut mendedahkan taktik baharu penggunaan bubu naga apabila nelayan menggunakan seruh dan pelampung bagi membolehkan paikat berbebanan bagi mengaburi pihak berkuasa.



Abdul Hamid Bahari

Katanya, NEKMAT kerap menerima aduan dan setiap tahun isu itu ditimbulkan dalam mesyuarat agung untuk diketengahkan kepada Jabatan Perikanan.

"Sudah lebih 10 usul mengenai penggunaan bubu naga ini dibawa ke pihak berkuasa.

"Kita selaku Jabatan Perikanan ada membuat operasi memungut paikat dan peralatan namun ia masih berleluasa," katanya.

Beliau berkata, selain aspek penguatkuasaan perlu ditingkatkan, pihaknya juga menggesa penjujukan bubu naga dibentarkan.

Katanya, tiada guna jika pengharaman penggunaan bubu naga ini dikuatkuasakan jika wujudnya golongan yang masih bebas menjualnya di pasaran tempatan.

"Seharusnya golongan yang menjual bubu naga ini diambil tindakan kerana selagi adanya mereka yang bebas menjual perikanan ini, selagi itu penggunaannya sukar ditangani.

"Begitu juga pihak penguat kuasa di sempadan juga harus memastikan peranan berikutan ada dalam kalangan nelayan ini sang-



Sebahagian daripada bubu naga yang dikesan digunakan oleh nelayan tempatan bagi menangkap hasil laut.



Sebahagian hidupan laut yang terperangkap dalam bubu naga.

gup membeli bubu naga di negara jiran," katanya.

Abdul Hamid berkata, selain mengancam spesies hidupan laut dalam masa depan, tindakan tidak bertanggungjawab terbahik juga mengancam pendapatan nelayan lain.

Berdasarkan maklumat diperolehi BH, bubu naga boleh diperolehi di pasaran gelap membabitkan kedai menjual alat tangkap ikan yang berharga kira-kira RM80 untuk set lengkap.

Bagi nelayan di utara Semenanjung, difahamkan mereka turut membeli set bubu naga di negara jiran.

Berdasarkan carian di beberapa portal beli-belah dalam talian, bubu naga turut ditawarkan dengan harga serendah RM9.50 hingga RM160 mengikut saiz setiap set.



Bubu naga masih menjadi pilihan nelayan sebagai cara mudah dan murah memerangkap hasil laut.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO I	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY	15	8/4/21
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL		



Penggunaan bubu naga turut memerangkap anak ikan mengancam ekosistem hidupan laut.

Kaedah diharamkan, punca negara alami krisis bekalan ikan

Kuala Lumpur: Penggunaan bubu naga secara berleluasa boleh menyebabkan negara mengalami krisis penyusutan bekalan ikan dalam kuantiti membimbangkan pada masa depan.

Penyarah Kanan Fakulti Perikanan dan Sains Makanan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Mohd Faruq Hisam Abd Aziz, berkata krisis itu boleh berlaku apabila penangkapan ikan menggunakan kaedah diharamkan berterusan menjejaskan kitaran ekologi perikanan.

Keburukan penggunaan bubu naga apabila ia 'menyapu' semua hidupan laut yang bernilai dan tidak bernilai.

ikannya tempatan.

"Bagaimana kita tahu, ikan adalah sumber protein paling murah dan mendapat permintaan tinggi kerana kita tidak jaga sumber ini dengan betul sekali-gus bekalan akan merosot pada masa depan," katanya.

Beliau turut berkecimpung dalam penyelidikan berhubung penggunaan bubu naga di Teluk Paitan, Thailand.

Terdapat spesies hidupan laut seperti ketam nipah, ikan buntal serta sesetengah ikan berharga tinggi namun ia tidak bernilai ketika masih kecil.

"Apabila semuanya berpecah-pecah dalam bubu naga, ini menyebabkan kerugian jangka panjang. Spesies ini sepatutnya boleh dijual pada harga tinggi dan mendapat perlakuan apabila sudah besar, namun terbangun kerana ditinggalkan ketika masih kecil lagi dan tidak bernilai," katanya kepada BH.

Katanya, sebanyak 70 peratus daripada tangkapan menerusi penggunaan bubu naga adalah membabitkan tangkapan sampingan, manakala 45 peratus adalah spesies tidak bernilai.

"Ini adalah satu pembaziran yang ketara yang memberi impak kepada ekologi. Kita perlu ingat setiap spesies marin mempunyai peranan apabila kitarannya diganggu, maka terjejalah ekologi perikanan itu sendiri," katanya.

Beliau berkata, kerajaan negara yang dikehendaki laut dan terdapat banyak muara sungai boleh membuka ruang kepada berleluasanya penggunaan bubu naga.

Katanya, penggunaan bubu naga sudah diharamkan kerajaan namun ia masih berleluasa kerana kurangnya kesedaran dalam kalangan komuniti.

"Bagi kolektoran sumber perikanan, perlunya ada sesi pendidikan ilmu dari semua ke arah membolehkan pihak berkecuali dengan golongan amer terutama nelayan dengan menerangkan kepentingan menjaga sumber perikanan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan negara yang dikehendaki laut dan terdapat banyak muara sungai boleh membuka ruang kepada berleluasanya penggunaan bubu naga.

Katanya, penggunaan bubu naga sudah diharamkan kerajaan namun ia masih berleluasa kerana kurangnya kesedaran dalam kalangan komuniti.

"Bagi kolektoran sumber perikanan, perlunya ada sesi pendidikan ilmu dari semua ke arah membolehkan pihak berkecuali dengan golongan amer terutama nelayan dengan menerangkan kepentingan menjaga sumber perikanan," katanya.

Harga murah, kaut hasil banyak dorong penggunaan

Manjung: Harga yang murah dengan kepantasan mengutip hasil lebih banyak, mendorong nelayan sekitar Bagan Panchor dekat Pantai Remis di sini, memertakakan penggunaan bubu naga, walaupun sudah diharamkan.

Nelayan tempatan, Zamrudul Azwan Zahedi Abdin, 31, mengakui sedia maklum mengenai larangan penggunaan bubu naga, namun tetap menggunakannya bagi menangkap udang kerana alat itu lebih murah berbanding jaring biasa.

Beliau berkata, seunit bubu naga sepanjang enam meter boleh dibeli pada harga RM68 berbanding jaring udang antara RM200 hingga RM300.

"Kami nelayan muda memang tidak mampu nak beli pukat atau bot yang harganya lebih mahal, sebab itu memilih bubu naga yang lebih murah tetapi boleh mendapatkan hasil yang agak lumayan."

"Bubu ini digunakan untuk mendapatkan udang dan sesekali dapat ketam juga tetapi ikan tidak pernah dapat. Selain harga yang murah, bubu ini juga mudah didapati di bandar sekitar pekan Pantai Remis," katanya ketika ditemui hari ini.

Zamrudul Azwan mendakwa he-

nya melabuhkan bubu naga miniknya dalam tiga hingga empat batu nautika daripada pantai dan tidak mengganggu kawasan nelayan lain.

"Sekali letak tahu boleh dapat hasil di antara 30 hingga 100 kilogram (kg). Bubu saya juga pernah dirampas beberapa kali oleh pihak berkuasa tapi nak buat macam mana lagi, mahu beli pukat tak mampu lagi, jadi belilah bubu," katanya yang mempunyai 60 unit bubu naga.

Pengusaha bot nelayan, Fakul Sofian, 44, juga mempunyai puluhan set bubu naga yang digunakan untuk mendapatkan udang.

"Bubu ini juga mudah didapati di pasaran dengan harga yang berpatutan dan hasilnya udang boleh dapat lebih banyak grad selalunya ia boleh ditinggalkan di laut, kalau guna jaring udang tak boleh tinggalkan dokai laut," katanya.

Dia mendakwa, penggunaan bubu naga lebih baik berbanding pukat turud di mana ia lebih mudah merosakkan ekosistem walaupun saiz kerempang pukat dibesarkan kerana ia akan menarik hasil di laut berbeza dengan bubu yang hanya diletakkan dalam laut untuk mendapatkan hasil.

Begaimanapun, katanya, penggunaan bubu itu tidak dinafikan turut berisiko merosakan sumber dan ekosistem, tetapi itu jika alat itu diletakkan di lokasi yang tidak sepatutnya seperti kawasan kurang tiga batu nautika dari pantai.

"Kami mohon kerajaan dan pihak berkaitan dapat melihat serta mengkaji semula penggunaan bubu ini supaya ia boleh digunakan di lokasi tiga batu nautika ke atas yang tidak membabitkan lokasi nelayan tradisional," katanya.

Sementara itu, Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Perak, Kepten Marifin Shahrizan Rahman, berkata pihaknya merampas 1,700 unit bubu naga sejak 2018 hingga kini dengan sebahagian tangkapan di sekitar perairan perairan negeri.

Beliau berkata, lokasi rampasan itu dilakukan di Pulau Tiang, Tanjung Batu, Pantai Remis, Sungai Burung, Kuala Permas dan Tanjung Hanit.

"Kami menerima banyak aduan daripada nelayan dan di kawasan Pantai Remis dan Bagan Panchor berhemasan penggunaan bubu naga."

"Mengikut rekod, perairan di Hillir Perak dan Kuala Kurau juga ada yang masih menggunakan bubu ini tetapi ia agak kurang berbanding di Pantai Remis dan Bagan Panchor," katanya.



Shahrizan Rahman

Selain menjurus kepada tangkapan sampingan tidak bernilai, penggunaan bubu naga juga berisiko mengancam bekalan ikan tempatan.

Dr Mohd Faruq Hisam Abd Aziz, Penyarah Kanan Fakulti Perikanan dan Sains Makanan UMT



Petapis Jabatan Perikanan memerik bubu naga yang ditemui dalam rondaan di perairan.